

Objektif Polisi Antirasuah PLANMalaysia

1. Pengurusan tertinggi PLANMalaysia membuat pemantauan pelaksanaan ABMS **sekurang-kurangnya satu kali setahun** melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) bagi memastikan kawalan pengurusan antirasuah di PLANMalaysia dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada.
2. Pengurusan tertinggi PLANMalaysia membuat pemantauan pelaksanaan inisiatif OACP oleh Bahagian bagi mencegah dan membanteras gejala rasuah melalui pelaporan di Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia **secara berkala tiga (3) kali setahun**;
3. Unit Integriti membuat pelaporan aduan dari pelbagai medium dan tindakan tatatertib kepada pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia **secara berkala tiga (3) kali setahun**;
4. Unit Integriti mengadakan kursus/ taklimat/ hebahan berterusan **sekurang-kurangnya satu kali setahun** berkaitan tatakelakuan dan rasuah bagi meningkatkan nilai integriti warga PLANMalaysia;
5. Bahagian Khidmat Pengurusan mengadakan kursus/ taklimat/ hebahan berterusan **sekurang-kurangnya satu kali setahun** untuk membangunkan kompetensi warga PLANMalaysia;
6. Unit Integriti membuat pelaporan aduan dan tindakan tatatertib ke Badan Pentadbir (KPKT) dan SPRM (melalui Sistem AIMS) **secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan**;
7. Pegawai CRM Bahagian membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut terhadap peranti storan komputer kakitangan **satu kali setahun**;
8. Bahagian dan Pejabat Projek Zon yang terlibat dalam kajian/ projek perlu **membuat edaran Borang *Conflict of Interest* kepada pegawai yang terlibat dan merekod** di dalam fail;

9. Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Kewangan) membuat edaran kepada pegawai yang terlibat dalam perolehan kerajaan merangkumi **penilaian sebut harga dan tender** dan merekod borang *Integrity Pact* **di dalam fail**; dan
10. Unit Penyelarasan Projek membuat edaran kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding dan merekod borang *Integrity Pact* **di dalam fail**.

Rujukan: Manual ABMS PLANMalaysia, Pindaan Oktober 2022